

Bil. S 22

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA AGENSI PELABURAN BRUNEI) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Agensi Pelaburan Brunei) (Pindaan), 1999.

Pindaan bab 4 dari Penggal 137. 2. Bab 4 dari Akta Agensi Pelaburan Brunei adalah dipinda dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (b) –

“(ba) untuk mengambil segala langkah dan menanggung sebarang perbelanjaan yang mungkin dikehendaki untuk mendapatkan balik atau melindungi aset dan harta yang berupa atau mungkin berupa harta Kerajaan atau Agensi, atau adalah diperolehi atau mungkin diperolehi (secara langsung atau tidak langsung dan seluruhnya atau sebahagiannya) dari harta Kerajaan atau Agensi dan untuk memegang, mengurus dan mengendalikannya atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Agensi (yang bertindak atas namanya sendiri atau dengan menggunakan anak syarikat atau ejen) atas budibicara mutlaknya ;”.

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 28 haribulan April, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM